

Manfaat pendemokrasian ilmu wakaf, lahir pengurus harta tanah profesional

- Dengan perkembangan sekarang, pengajian berkaitan wakaf bukan lagi diajar di pondok pengajian agama tetapi sudah disampaikan kuliah di bilik kuliah universiti. Situasi ini dinamakan 'pendemokrasian ilmu wakaf'

- Dengan kerjasama universiti awam (UA) dan swasta, pengurus harta tanah wakaf profesional boleh dilahirkan. Biasiswa dan program profesional berkaitan wakaf perlu ditawarkan di agensi dan universiti terpilih

Oleh Prof Ismail Omar
bhrencana@bh.com.my



Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA)

Menoleh ke belakang, sejarah perkembangan institusi wakaf di dunia Islam begitu mengujakan. Ia dikatakan bermula wakaf sekeping tanah kebun kurma asalnya seorang Yahudi untuk manfaat semua.

Kejadian ini berlaku sebelum Islam berkembang pesat di seluruh dunia. Kemudian Sayidina Umar al-Khatab RA mewakafkan kebun kurma hasil rampasan perang untuk keperluan umat Islam. Kebun kurma di Khyber ini ladang paling subur dan memberikan hasil pulangan terbaik.

Kemudian, Sayidina Uthman Affan RA pula menawarkan telaga ar-Rumah dibeli daripada seorang Yahudi untuk manfaat umat Islam amat memerlukan air bersih ketika itu.

Sejarah mengajar banyak perkara. Malangnya, masih terdapat umat Islam di negara kita ragu-ragu mewakafkan harta tanah terbaik untuk manfaat umat. Dengan pahala berganda hingga kiamat, sudah tentu mewakafkan harta tanah terbaik menjadi pelaburan paling unggul dari dunia hingga akhirat.

Apabila Uthman mewakafkan telaga ar-Rumah, kita masih dapat melihat kemajuan tanah ladang kurma berkenaan berkembang pesat hingga sekarang. Daripada kebun kurma, tanah wakaf berkenaan dibina Hotel Renaissance dengan pulangan kira-kira 50 juta dirham sekarang. Maknanya, kita perlu ada pengurus harta tanah wakaf profesional untuk menjaga dan meningkatkan nilai tanah wakaf berkenaan.

Dalam konteks memajukan tanah wakaf di negara ini, kajian menunjukkan terdapat kira-kira 30,000 hektar atau hanya 13 peratus keluasan yang dimajukan. Terdapat pelbagai alasan menyebabkan tanah wakaf tidak dapat dimajukan sepenuhnya.

Kajian mendapati antara sebabnya ialah lokasi harta tanah tidak strategik kerana terletak jauh dari jalan utama dan di pedalaman tanpa kemudahan asas. Maka, pengurus wakaf profesional dapat membantu melaksanakan 'istibdal' bagi menggantikan tanah berkenaan dengan tanah lebih baik dan bernilai tinggi.

Selain itu, pengurus tanah wakaf profesional akan dapat mengenal pasti proses dan prosedur menukar guna tanah berkenaan daripada tanah kegunaan pertanian kepada bangunan lebih bernilai tinggi.

Antara peruntukan undang-undang tanah perlu dipatuhi ialah Seksyen 124 dan 124A Kanun Tanah Negara 1965 yakni prosedur tukar syarat tanah. Begitu juga Seksyen 204B berkaitan dengan 'serah balik dan kurnia semula tanah' supaya pembangunan dapat dijayakan dengan lancar.

Begitu juga dengan peruntukan undang-undang lain berkaitan perancangan, alam sekitar, suku dan jenis wakaf, bangunan dan perparitan.

Di negara ini, sejarah wakaf bermula sebelum merdeka dengan pembubuhan pondok pengajian Ilmu Islam di seluruh negara. Pondok berkenaan ditubuhkan ulama dan guru pengajian Islam yang begitu prihatin menyokong tuntutan Islam.

Dengan tanah sekangkang kera, tanpa modal kewangan besar, mereka membuka pondok pengajian

berteraskan wakaf. Bayaran pengajian tidak ditentukan jumlah, sebaliknya mengikut keupayaan ibu bapa pelajar. Semangat tolong-menolong dan menyebarkan suruhan Islam membawa kejayaan dalam perkembangan wakaf di seluruh negara.

Penyelidikan pelbagai aspek wakaf

Dengan perkembangan sekarang, pengajian berkaitan wakaf bukan lagi diajar di pondok pengajian agama tetapi sudah disampaikan kuliah di bilik kuliah universiti. Situasi ini dinamakan 'pendemokrasian ilmu wakaf'.

Tidak cukup dengan kuliah, universiti menjalankan penyelidikan mengenai pelbagai aspek wakaf di pelbagai peringkat pengajian. Ada menawarkan pengajian di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan juga hingga ke peringkat ijazah kedoktoran.

Lebih menarik lagi, penyelidikan mengenai wakaf bukan hanya dijalankan di institusi pengajian tinggi bercirikan pengajian Islam, malah dalam bidang bukan pengajian Islam seperti pengurusan am, pengurusan harta tanah dan sejarah yang juga banyak hasil penyelidikan berjaya dikeluarkan.

Sesungguhnya, wakaf menyediakan wacana cukup menarik untuk dikaji dengan mendalam daripada pelbagai sudut ilmu yang ada. Langkah kerajaan memperuntukkan hampir RM500 juta untuk memajukan wakaf pada Belanjawan 2024 amat menguja.

Justeru, apakah hala tuju kita perlu bentuk dalam memimpin institusi wakaf di negara kita? Sudah tentu kita perlu memimpin pergerakan ini dengan cara yang profesional.

Maka, pegawai wakaf profesional perlu dilahirkan. Agensi berkaitan wakaf seperti Yayasan Waqaf Malaysia perlu mengepalai tugas ini dengan profesional sekali.

Dengan kerjasama universiti awam (UA) dan swasta, pengurus harta tanah wakaf profesional boleh dilahirkan. Biasiswa dan program profesional berkaitan wakaf perlu ditawarkan di agensi dan universiti terpilih.

Dalam konteks ini, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga harus bekerjasama secara pintar dengan agensi berkaitan wakaf berkenaan. Perkara ini dilakukan Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) yang menjalankan program sijil profesional dalam bidang tanah dan wakaf dengan kerjasama kerajaan Johor, kerajaan Kelantan dan juga dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Geomatika Malaysia (UGM).

Program sama juga dijayakan kepada pelajar as-naf ditajui Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan PERTAMA di Kolej Profesional Baitulmal (KPB) baru-baru ini. Program sama juga dijayakan di Indonesia dengan Universiti Islam Negeri (UIN) di Lampung.

Dengan adanya program pendidikan wakaf terpimpin, kita dapat melihat gagasan melahirkan pegawai dan pengurus harta tanah wakaf profesional secara terpimpin bagi memajukan tanah wakaf di seluruh negara.

Tidak mustahil usaha ini boleh menjadi hadiah daripada Malaysia kepada negara lain di seluruh dunia dalam menjayakan dan memajukan tanah wakaf di seluruh dunia.

